

2,347 anjing, 552 kucing liar ditangkap

Kuala Lumpur: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) membelanjakan kira-kira RM12,000 sebulan bagi tangkapan anjing dan kucing liar.

Pengarah Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar DBKL Dr Hayati Abdullah berkata, dari Januari hingga

Mei 2016, sebanyak 2,347 anjing dan 552 kucing berjaya ditangkap pihaknya serta syarikat swasta yang dilantik.

“Semua binatang yang ditangkap akan disimpan di Pusat Kurungan Haiwan DBKL, Jalan Loke Yew dan disimpan selama tujuh hari

serta diberi makan.

“Sepanjang tempoh simpanan, pemilik yang kehilangan anjing atau kucing boleh berhubung dengan kami untuk mengenal pasti sama ada haiwan itu milik mereka atau bukan,” katanya ketika dihubungi, semalam.

Menurut Dr Hayati, anjing atau kucing yang ditangkap juga boleh diadopsi oleh orang ramai.

“Selepas tujuh hari tidak dituntut atau diadopsi, haiwan berkenaan akan disimpan selama tiga hari sebelum dilupuskan,” katanya.

12.7. 2016 HM